

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 2 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYCITE

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PERSEPSI MASYARAKAT MUSLIM TERHADAP TREND PENGGUNAAN AI SEBAGAI PENTERJEMAH AYAT *MUTASHABIHAT* Muslim Community Perceptions of the Trend of Using AI as a Translator of *Mutashabihat* Verses

Muhammad Raqib Idar^{1*} & Najah Nadiah Amran²

^{1,2} Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: p146548@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1002-02>

Article history

Received: 22/09/2025

Revised: 21/11/2025

Accepted: 30/11/2025

Published: 30/12/2025

Abstrak

Perbahasan ayat-ayat *mutashabihat* al-Quran sentiasa menjadi isu penting dan perdebatan dalam disiplin tafsir kerana kaitannya dengan sifat-sifat Allah dan perkara ghaib yang memerlukan pendekatan metodologi khusus berasaskan prinsip *tafwid* dan *ta'wil*. Perkembangan pesat kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*, AI) telah mencetuskan persoalan baharu berkaitan kesesuaiannya dalam menterjemah ayat-ayat *mutashabihat*, khususnya dari sudut kefahaman, penerimaan, serta kebimbangan masyarakat Muslim terhadap implikasi akidah. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti persepsi masyarakat Muslim terhadap penggunaan AI dalam terjemahan ayat *mutashabihat* al-Quran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik yang melibatkan seramai 108 responden. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mengenal pasti pola dan kecenderungan persepsi responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun istilah *mutashabihat* dikenal pasti secara umum, tahap kefahaman mendalam masyarakat masih rendah, dan majoriti responden mengakui kesukaran memahami ayat-ayat tersebut tanpa bimbingan pihak berautoriti. Selain itu, sebahagian besar responden berpandangan bahawa AI hanya sesuai berfungsi sebagai medium sokongan teknikal, dengan hampir 99% menegaskan keperluan penyemakan oleh ulama bagi memastikan ketepatan dan kesahihan tafsir. Kajian ini menyimpulkan bahawa penerimaan masyarakat terhadap AI bersifat terbuka tetapi berhati-hati, khususnya dalam isu yang melibatkan akidah. Oleh itu, pendekatan hibrid yang mengintegrasikan kelebihan teknologi AI dengan autoriti keilmuan ulama dilihat sebagai implikasi penting bagi memastikan pemanfaatan teknologi selari dengan disiplin tafsir muktabar serta memelihara kesucian makna al-Quran.

Kata Kunci: Kecerdasan Buatan (AI), ayat *mutashabihat*, tafsir dan terjemahan al-Quran, persepsi masyarakat.

Abstract

The discussion of *mutashabihat* verses in the Qur'an has long been a significant issue in the discipline of Qur'anic exegesis, as it relates to the attributes of Allah and matters of the unseen that require a specific methodological approach grounded in the principles of *tafwid* and *ta'wil*. The rapid development of artificial intelligence (AI) has introduced new questions regarding its suitability for translating *mutashabihat* verses, particularly in terms of public understanding, acceptance, and concerns over its implications for Islamic creed (*'aqidah*). Accordingly, this study aims to examine Muslim community perceptions of the use of AI in translating *mutashabihat* verses of the Qur'an. Employing a quantitative research design, this study adopts a survey method using a questionnaire instrument involving 108 respondents. The collected data were analysed using descriptive statistical analysis to identify patterns and trends in respondents' perceptions. The findings reveal that although the term *mutashabihat* is generally recognised by respondents, the level of in-depth understanding remains limited, with the majority acknowledging difficulties in comprehending these verses without guidance from authoritative religious sources. Furthermore, most respondents view AI as appropriate only as a supportive technical tool, with nearly 99% emphasising the necessity of scholarly review by ulama to ensure the accuracy and legitimacy of interpretations. The study concludes that while Muslim communities demonstrate an open yet cautious attitude towards the use of AI, particularly in matters related to *'aqidah*, a hybrid approach that integrates the advantages of AI technology with scholarly religious authority represents the most appropriate pathway to ensure the utilisation of AI does not compromise the authenticity of Qur'anic interpretation or the sanctity of its meanings.

Keywords: Artificial Intelligence (AI), *mutashabihat* verses, Qur'anic exegesis and interpretation, public perception.

PENGENALAN

Kehadiran dan penggunaan AI yang semakin meluas sebagai sumber maklumat dan penterjemah teks Islam pada masa kini telah memberi impak langsung terhadap cara masyarakat Muslim memahami dan membincangkan teks agama, khususnya apabila terjemahan yang bersifat literal atau terpisah daripada kerangka tafsir dan syarahan ulama muktabar cepat disebarkan dan diperdebatkan di media sosial; justeru, kajian terhadap persepsi masyarakat menjadi penting bagi menilai tahap kepercayaan terhadap autoriti AI, mengenal pasti risiko dan polarisasi pemikiran, serta merangka garis panduan penggunaan teknologi ini agar selari dengan disiplin ilmu dan tradisi keilmuan Islam. Sejarah perkembangan ilmu al-Quran menunjukkan bahawa ia sentiasa bergerak seiring dengan perubahan zaman. Pada peringkat awal, ilmu ini dipelihara melalui hafalan dalam dada-dada para sahabat dan ilmuwan. Tradisi tersebut kemudiannya berkembang melalui penulisan dan penghasilan kitab tafsir, sebelum dipermudahkan penyebarannya dalam bentuk buku bercetak. Dengan kemajuan teknologi, penyebaran ilmu beralih pula kepada buku digital dan aplikasi atas talian. Kini, dunia Islam khususnya berkaitan tafsir dan terjemahan al-Quran berdepan dengan satu lagi peralihan besar apabila kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI) mula diperkenalkan sebagai medium baharu dalam memahami dan menterjemahkan ayat-ayat al-Quran.

Di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat *muhkam* (jelas) dan *mutashabihat* (samar). Ayat-ayat muhkam menjadi asas kepada hukum serta panduan hidup umat Islam, manakala ayat-ayat *mutashabihat* (juga dieja *mutasyabihat*) sering kali menimbulkan perdebatan dalam bidang pentafsiran. Hal ini lebih ketara apabila ia berkaitan dengan sifat-sifat Allah dan perkara ghaib yang tidak dapat dicapai sepenuhnya oleh akal manusia. Sekiranya ayat mutasyabihat ditafsirkan tanpa panduan yang tepat, ia boleh mengundang kekeliruan akidah serta mencetuskan perdebatan yang berpanjangan dalam kalangan masyarakat. Ayat-ayat *mutashabihat* dalam al-Quran ialah ayat-ayat yang bersifat samar atau mempunyai pelbagai tafsiran (*anthropomorphism*). Ayat-ayat ini telah

menjadi subjek perbahasan yang meluas dalam kalangan para sarjana Islam. Sebahagian berpendapat bahawa ayat-ayat tersebut mengandungi makna yang berada di luar kemampuan pemahaman manusia, manakala sebahagian yang lain meyakini bahawa dengan ilmu yang mendalam dan kefahaman konteks yang tepat, maknanya dapat difahami (Yüksek, 2024; Wahab & Omar, 2012; Wildan & Nasution, 2022). Pentafsiran ayat-ayat ini sering melibatkan penjelasan secara metafora, yang boleh membawa kepada pelbagai bentuk kefahaman dan kadangkala menimbulkan perbezaan pandangan serta perdebatan antara aliran pemikiran Islam yang berbeza (Andideh & Rad, 2021; Nurbayan, 2019).

Kemunculan AI dikatakan mampu meningkatkan kebolehcapaian dan kecekapan dalam memahami teks-teks agama melalui penyediaan terjemahan, pengecaman pola, dan analisis tematik. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan berkaitan ketidaktepatan konteks serta ketidakupayaan AI untuk memahami makna yang bernuansa dan berakar umbi secara mendalam dalam tradisi budaya dan sejarah. Implikasi etika dan teologi turut timbul, antaranya risiko penyelewengan teks serta tanggungjawab moral para pembangun AI (Fitryansyah & Fauziah, 2024; Faizin et al. 2025; Putrawan 2025). Persoalan ini menjadi lebih kritikal apabila ia melibatkan ayat-ayat *mutashabihat*, kerana AI tidak memiliki kemampuan menilai berasaskan kaedah tafsir tradisional dan adab ilmu yang diwarisi ulama. Risiko salah tafsir atau terjemahan literal tanpa kawalan metodologi ilmiah boleh membawa kepada salah faham yang serius dalam kalangan masyarakat. Bagaimanakah persepsi masyarakat Muslim terhadap trend semasa penggunaan AI dalam memahami dan menterjemahkan ayat-ayat al-Quran? Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengkaji persepsi masyarakat Muslim terhadap penggunaan AI dalam menterjemah ayat-ayat *mutashabihat*. Kajian ini menilai tahap kefahaman, pengalaman dan penerimaan, kebimbangan, serta pandangan masyarakat tentang sejauh mana teknologi moden ini boleh dimanfaatkan tanpa menjejaskan keaslian disiplin terjemahan dan tafsir al-Quran.

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini adalah berasaskan reka bentuk kuantitatif melalui tinjauan dalam talian. Unit analisis kajian ialah individu Muslim yang dipilih sebagai responden, adalah dalam kalangan mereka yang menggunakan AI secara tegar dalam mendapatkan maklumat Islam. Tujuan tinjauan adalah bagi mengenalpasti persepsi masyarakat Muslim terhadap penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam memahami ayat-ayat *mutashabihat* dan sikap mereka terhadap penggunaan AI. Pendekatan tinjauan dalam talian dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data secara cepat, sistematik dan menyeluruh, serta memberikan gambaran kuantitatif tentang tahap kefahaman, penerimaan, dan kebimbangan masyarakat terhadap fenomena yang dikaji.

Proses pengumpulan data melibatkan instrumen soal selidik berstruktur yang dibina dengan menggunakan pangkalan *google form*. Seramai 108 responden telah menjawab soal selidik yang dikumpulkan melalui kaedah persampelan bertujuan. Pautan soal selidik tersebut diedarkan menerusi email dan pesan ringkas. Peserta kajian yang berpotensi dipelawa menjawab soal selidik menerusi pengenalan daripada rakan sepengajian, rakan di tempat pekerjaan dan juga kenalan di media sosial. Terdapat kriteria yang ditetapkan sebagai responden bagi kajian ini iaitu mereka mestilah (a) seorang Muslim, berumur 18 tahun dan keatas, (c) ada pengetahuan asas mengenai Islam dan Al-Quran, (d) ada pengalaman menggunakan teknologi digital, (e) bidang pendidikan agama dan bukan agama, (f) mewakili jantina dan julat umur yang berbeza, (g) bersetuju dan bersedia memberikan maklumbalas dengan jujur dan beretika. Maklumat responden direkod secara rahsia mengikut panduan kod etika penyelidikan yang ditetapkan. Persetujuan sebagai responden dititik-beratkan dan mereka boleh menarik diri dari menjawab soal selidik tanpa prejudis dan pada bila-bila masa. Data yang dikumpul disimpan dalam *google drive* dengan akses yang terhad untuk kegunaan dan capaian pengkaji sahaja.

Instrumen soalselidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A. Maklumat Demografi, Bahagian B. Soalan berkaitan kefahaman terhadap konsep ayat *Mutashabihat*,

Bahagian C. Pengalaman menggunakan dan pendedahan maklumat ayat *mutashabihat*, dengan menggunakan AI dan laman sesawang, dan Bahagian D. Persepsi Responden terhadap penggunaan AI dalam penterjemahan ayat *mutashabihat* dalam al-Quran. Jumlah item bagi bahagian B hingga D ialah sebanyak 16. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif, khususnya kekerapan dan peratusan, bagi menilai tahap kefahaman, penerimaan responden. Analisis ini memberikan gambaran jelas tentang pola persepsi masyarakat Muslim terhadap penggunaan AI dalam konteks penafsiran ayat Al-Quran. Kajian turut merujuk sumber ilmiah seperti artikel, jurnal, dan buku bagi mengenal pasti tema serta perbincangan utama berkaitan AI dan tafsir. Triangulasi ini meningkatkan kebolehpercayaan kajian kerana ia menggabungkan kekuatan data empirikal dan teori, sekali gus menghasilkan dapatan yang lebih seimbang serta mencerminkan realiti masyarakat secara holistik. Data yang dianalisis dan dilaporkan dibahagikan kepada lima bahagian perbincangan iaitu:

- a) Maklumat demografi latar belakang responden
- b) Tahap kefahaman terhadap ayat *Mutashabihat*
- c) Persepsi masyarakat terhadap ayat *Mutashabihat*
- d) Pengalaman dan penerimaan masyarakat terhadap penggunaan teknologi dan AI dalam terjemahan ayat *mutashabihat*
- e) Peranan AI, Peluang dan limitasi penggunaanya dalam penterjemahan ayat *Mutashabihat*

DAPATAN KAJIAN

Data soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif dan seterusnya dijelaskan dalam bentuk huraian untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang trend kecenderungan umum responden.

Latar Belakang Responden

Latar belakang responden dianalisis dari beberapa aspek iaitu jantina, umur, jenis pekerjaan dan tahap pendidikan. Taburan jantina ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Jantina Responden Kajian

1	Lelaki	41.7%
2	Perempuan	58.3%
	Peratus Keseluruhan	100.00%

Responden kajian yang terdiri daripada 41.7% lelaki dan 58.3% perempuan. Manakala taburan umur responden pula ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Umur Responden Kajian

1	18-20 tahun	5.5%
2	20-29 tahun	34.3%
3	30-39 tahun	11.1%
4	40-49 tahun	18.5%
5	50 tahun ke atas	30.6%

	Peratus keseluruhan	100.00%
--	---------------------	---------

Berdasarkan analisis demografi, seramai 108 responden telah terlibat dalam kajian ini dengan pembahagian jantina menunjukkan majoriti terdiri daripada wanita iaitu sebanyak 58.3%, manakala selebihnya lelaki sebanyak 41.7%. Dari segi umur, dapatan menunjukkan bahawa responden paling ramai berada dalam lingkungan usia 20–29 tahun (34.3%), diikuti oleh golongan berusia 50 tahun ke atas (30.6%). Kumpulan umur lain yang turut menyumbang ialah 40–49 tahun (18.5%), 30–39 tahun (11.1%), serta bawah 20 tahun (5.5%). Kepelbagaian umur ini memberikan gambaran menyeluruh tentang persepsi masyarakat daripada generasi muda sehingga warga berusia. Latar belakang responden juga dianalisis dari segi pekerjaan sebagaimana dipaparkan dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Jenis dan Status Pekerjaan/Tidak Bekerja Responden Kajian

1	Bekerja	58.3%
2	Belajar	24.1%
3	Pencen	1.9%
4	Pesara	0.9%
5	Tidak bekerja	14.8%
	Peratus keseluruhan	100.00%

Majoriti responden merupakan individu yang bekerja (58.3%). Selebihnya terdiri daripada pelajar (24.1%), tidak bekerja (14.8%), pesara (1.9%), dan pencen (0.9%). Walaupun jumlah responden dalam kategori pesara dan pencen agak kecil, penyertaan mereka tetap penting kerana dapat mencerminkan pengalaman dan pandangan berbeza berbanding responden yang masih aktif bekerja.

Tahap pendidikan responden seperti Jadual 4 di bawah menunjukkan majoriti memiliki kelulusan akademik pada pendidikan tinggi iaitu Sarjana Muda (62%), manakala 13.9% mempunyai kelulusan Sarjana. Sebahagian kecil responden lain memiliki kelulusan Sijil/Diploma/Matrikulasi (12%), SPM/SPMV/SC/MCE (5.6%), serta peringkat Doktor Falsafah (2.8%). Terdapat juga responden dengan latar belakang pendidikan rendah seperti PMR/LCE/SRP (1.9%) serta tiada pendidikan formal (1.9%).

Jadual 4: Tahap Pendidikan Responden Kajian

1	PhD	2.8%
2	Sarjana	13.9%
3	Sarjana Muda	62%
4	Sijil/Diploma/Matrikulasi	12%
5	SPM/SPMV/SC/MCE	5.6%
6	PMR/LCE/SRP	1.9%
7	Pendidikan tidak formal	1.9%
	Peratus keseluruhan	100.00%

Kepelbagaian tahap pendidikan ini memperlihatkan bahawa kajian ini telah berjaya menghimpunkan pandangan daripada pelbagai lapisan masyarakat, sekali gus memperkayakan dapatan dan meningkatkan kebolehpercayaan analisis.

Tahap Pemahaman terhadap Konsep Ayat *Mutashabihat*

Secara keseluruhan, tahap pemahaman responden terhadap konsep ayat *mutashabihat* berada pada tahap pelbagai aras berdasarkan pengalaman pembelajaran dan penemuan mereka sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Pengalaman dalam Pemahaman Konsep Ayat *Mutashabihat*

1	Tiada pengetahuan langsung tentang ayat mutashabihat	6.5%
2	Pernah mendengar maklumat ayat mutashabihat dan tidak memahaminya.	13.9%
3	Pernah mendengar maklumat dan ada sedikit kefahaman mengenainya.	50.9%
4	Sangat memahami ayat mutashabihat	28.7%
	Peratus keseluruhan	100.00%

Sebahagian besar responden (50.9%) melaporkan bahawa mereka pernah mendengar istilah ini dan mempunyai sedikit kefahaman mengenainya. Hal ini menunjukkan bahawa konsep ayat *mutashabihat* bukanlah asing dalam kalangan masyarakat, namun kefahaman mendalam masih terbatas. 28.7% responden menyatakan mereka sangat memahami maksud ayat *mutashabihat*. Peratusan ini boleh dianggap signifikan kerana menggambarkan wujudnya kelompok yang mempunyai latar belakang agama yang lebih kuat, sama ada melalui pendidikan formal atau pendedahan langsung kepada disiplin tafsir. Sebaliknya, 13.9% responden mengakui pernah mendengar istilah ini tetapi tidak memahaminya, manakala hanya 6.5% langsung tidak memahaminya. Walaupun jumlahnya kecil, dapatan ini menandakan masih ada sekelompok dalam masyarakat Muslim di Malaysia yang belum terdedah kepada perbincangan ilmiah tentang ayat *mutashabihat*. Secara keseluruhannya, walaupun istilah ayat *mutashabihat* sudah diketahui oleh responden, tahap kefahaman yang mendalam mereka adalah tidak menyeluruh. Hal ini memperlihatkan keperluan untuk memperkukuh strategi pendidikan dan penyampaian ilmu agar masyarakat bukan sekadar mengenali istilah, tetapi juga mampu memahami implikasi dan metodologi tafsirnya.

Persepsi Terhadap Mudah dan Sukar Memahami Maksud Ayat *Mutashabihat*

Dapatan dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti responden menghadapi kesukaran dalam memahami maksud ayat *mutashabihat*.

Rajah 6: Tanggapan Kesukaran dan Kemudahan dalam Memahami Maksud Ayat *Mutashabihat*

1	Maksud ayat mutashabihat sangat sukar difahami	12.0%
2	Maksud ayat mutashabihat sukar difahami	63.9%
3	Maksud ayat mutashabihat mudah difahami	17.6%
4	Maksud ayat mutashabihat sangat mudah difahami	6.5%
	Peratus keseluruhan	100.00%

Seramai 63.9% menyatakan ia sukar, manakala 12% lagi menilainya sangat sukar. Secara gabungan, jumlahnya mencapai 75.9%, menggambarkan cabaran yang nyata dalam kalangan responden. Hanya sebahagian kecil yang menilai ayat *mutashabihat* sebagai mudah difahami. Seramai 17.6% berpendapat ia mudah, manakala 6.5% pula menyatakan sangat mudah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kefahaman terhadap ayat *mutashabihat* bukanlah sesuatu yang mudah dicapai tanpa bimbingan dan rujukan kepada sumber berautoriti. Keputusan 75% responden yang beranggapan pemahaman tentang ayat *mutashabihat* adalah suatu bidang atau bahagian ilmu yang sukar difahami ini sejajar dengan dapatan sebelumnya walaupun ada kesedaran tentang kepentingan memahami ayat *mutashabihat* tinggi. Jelas menunjukkan bahawa proses memahami kandungannya berdepan kesukaran yang ketara.

Kepentingan Memahami Ayat *Mutashabihat*

Majoriti responden menganggap memahami ayat *mutashabihat* adalah suatu keperluan yang penting. Hal diringkaskan dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Kepentingan Memahami Ayat *Mutashabihat*

Skala	1	2	3	4
Kriteria	Tidak Penting	Agak Penting	Penting	Sangat Penting
Peratus	0.8%	2.0%	22.2%	75%

Sebanyak 75% responden menilai ia sebagai sangat penting, manakala 22.2% lagi menilai sebagai penting. Secara keseluruhan, 97.2% responden mengiktiraf kepentingan memahami ayat ini. Sebaliknya, hanya 0.8% yang berpandangan ia tidak penting. Walaupun kecil peratusan ini, kewujudan kelompok ini menunjukkan bahawa ada dalam kalangan masyarakat yang kurang menekankan aspek kepentingan bagi mengkaji dan memahami ayat *mutashabihat*. Dapatan ini menegaskan bahawa terdapat kesepakatan kukuh tentang keperluan memahami ayat *mutashabihat*. Namun, seperti yang diperlihatkan dalam bahagian terdahulu, tahap kefahaman sebenar masih berbeza-beza dan memerlukan usaha pendidikan tambahan.

Apabila diminta memberikan contoh ayat *mutashabihat*, majoriti responden merujuk kepada ayat yang berkaitan sifat Allah seperti *tangan*, *wajah*, dan *istima'*. Selain itu, huruf-huruf muqatta'ah seperti *Alif Lam Mim* dan *Ya Sin* turut dianggap mencabar kerana tiada penjelasan yang muktamad mengenainya. Walaupun begitu, terdapat juga responden yang menyatakan mereka tidak pasti atau tidak mengingati contoh tertentu, malah ada yang menegaskan bahawa ayat *mutashabihat* tidak sukar difahami kerana mereka berpegang kepada makna zahir. Dapatan ini konsisten dengan perbincangan ulama, di mana ayat-ayat sifat Allah dianggap paling dominan sebagai ayat *mutashabihat* yang menuntut metodologi tafsir yang berhati-hati.

Pengalaman dan Penggunaan Teknologi AI dalam kalangan Responden

Dalam konteks pendedahan terhadap AI, majoriti responden sudah mempunyai pengalaman atau sekurang-kurangnya pengetahuan mengenainya. Bagaimanapun 13% tidak berpengalaman menggunakan AI walaupun mereka menggunakan internet. Jadual 8 di bawah menjelaskan dapatan ini.

Jadual 8 : Pendedahan dan Penggunaan Teknologi AI

Skala	1	2	3	4
Kriteria	Tidak tahu dan tidak pernah guna AI	Tahu dan tidak pernah guna AI	Tahu dan pernah guna AI	Tahu dan kerap guna AI

Skala	1	2	3	4
Peratus	13%	25.9%	34.3%	26.9%

Seramai 61.2% berada dalam kategori ini 34.3% menyatakan mereka *pernah tabu dan pernah cuba*, manakala 26.9% lagi adalah pengguna tegar AI. Dapatan ini menunjukkan walaupun AI, sudah meluas penggunaannya dalam bidang terjemahan, masih terdapat kelompok yang tiada pendedahan tersebut. Seramai 25.9% tahu kewujudan AI *tetapi tidak tabu menggunakannya*, manakala 13% lagi mengakui tiada pengetahuan sama sekali tentang AI. Data ini memperlihatkan gambaran yang kompleks walaupun AI semakin diterima dalam kalangan masyarakat, masih terdapat jurang pengetahuan dan penggunaan. Faktor usia berkemungkinan mempengaruhi keputusan dapatan bahagian ini kerana data demografi menunjukkan 30% peserta kajian terdiri dari kalangan mereka yang berusia 50 tahun ke atas dan ada yang telah bersara. Hal ini menuntut usaha meningkatkan literasi digital supaya teknologi dapat dimanfaatkan secara optimum, terutamanya dalam aspek keagamaan yang memerlukan ketelitian tinggi.

Kekerapan Penggunaan Aplikasi dan Laman Sesawang untuk Memahami Terjemahan Ayat *Mutashabihat*

Sungguhpun, responden kajian merupakan pengguna AI dan internet, dalam konteks memahami terjemahan ayat-ayat Al-Quran berkaitan *Mutashabihat*, dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 90% responden masing-masing menjelaskan penggunaan mereka adalah tidak pernah, jarang dan kadang-kadang sebagaimana dalam Rajah 9.

Jadual 9: Kekerapan Penggunaan aplikasi teknologi dan laman web al-Quran untuk mengetahui Ayat *Mutashabihat*

Skala	1	2	3	4
Kriteria	Tidak Pernah	Jarang Sekali	Kadang-kadang	Kerap
Peratus	30.6%	27.8%	31.5%	10.2%

Seramai 30.6% menyatakan mereka tidak pernah menggunakan aplikasi seumpama itu, manakala 27.8% lagi hanya menggunakannya jarang sekali. Jika digabungkan, kedua-dua kategori ini membentuk 58.4%, iaitu lebih daripada separuh responden. Sebaliknya, hanya 31.5% responden menyatakan mereka menggunakannya namun kadang-kadang, manakala 10.2% melaporkan mereka selalu berinteraksi dengan aplikasi al-Quran digital. Walaupun peratusan ini lebih kecil, ia tetap menandakan kewujudan kelompok masyarakat yang telah penggunaan teknologi AI dalam memahami al-Quran.

Keputusan ini turut menggambarkan wujud jurang antara tahap kesedaran terhadap kepentingan memahami ayat *mutashabihat*. Walaupun ramai mengakui keperluannya, penggunaan aplikasi digital masih belum menjadi sumber keutamaan, kemungkinan dipengaruhi oleh faktor usia responden, kematangan serta kepercayaan mereka terhadap sumber tradisional, juga disebabkan oleh kurang pendedahan kepada aplikasi digital berautoriti. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai keraguan terhadap keupayaan teknologi digital untuk menyampaikan makna ayat *mutashabihat* yang sebenar.

Penerimaan Responden Terhadap Penggunaan AI Sebagai Alat Bantu dalam Terjemahan Ayat *Mutashabihat* dan Kepentingan Semakan pakar dan Garis Panduan

Persoalan tentang sejauh mana AI dapat membantu dalam menterjemah ayat *mutashabihat* menunjukkan responden mengambil sikap berhati-hati seperti respon mereka dalam Jadual 10.

Jadual 10: Tahap Penerimaan Terhadap Penggunaan AI dalam membantu terjemahan Ayat *Mutashabihat*

Skala	1	2	3	4
Kriteria	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Peratus	14.8%	30.6%	50.9%	3.7%
	45.4%		54.6%	

Seramai 50.9% menyatakan mereka setuju bahawa AI boleh membantu, manakala hanya 3.7% sangat setuju. Gabungan 54.6% ini menggambarkan penerimaan sederhana, iaitu pengiktirafan bahawa AI mempunyai potensi tetapi tidak cukup untuk menggantikan kaedah tradisional. Sebaliknya, 30.6% responden tidak setuju, manakala 14.8% sangat tidak setuju. Jika digabungkan, 45.4% responden meragui atau menolak kemampuan AI dalam membantu terjemahan ayat *mutashabihat*. Angka ini hampir separuh daripada jumlah keseluruhan, menandakan kewujudan keraguan yang signifikan. Dapatan ini memperlihatkan dilema yang dihadapi masyarakat, mereka merasai manfaat AI dalam terjemahan umum, namun tetap skeptikal apabila ia melibatkan ayat *mutashabihat* yang bersifat kompleks dan sensitif. Data ini tidak berupaya menggambarkan tahap penerimaan sebenar. Ini kerana dalam kalangan responden sendiri ada yang tidak berpengalaman dan berpengetahuan tentang AI. Dapatan ini menggambarkan bahawa walaupun ada kelompok yang optimis terhadap penggunaan AI untuk mengumpul dataraya tafsir dan terjemahan ayat al-Quran, majoriti tetap memandang AI hanyalah berperanan sebagai alat sokongan terhad. Lanjutan daripada pemilihan jawapan di atas, data kajian ini diperteguhkan dengan soalan berkaitan peranan AI digunakan 'hanyalah' sebagai alat bantu dalam menterjemahkan ayat *mutashabihat*.

Majoriti responden bersetuju bahawa AI hanya wajar dijadikan alat bantu. Seramai 59.3% sangat setuju dan 33.3% setuju. Gabungan ini menjadikan 92.6% responden hampir sebulat suara bahawa AI tidak boleh berfungsi sebagai penterjemah utama. Hanya kurang daripada 8% yang tidak bersetuju, menandakan bahawa pandangan minoriti tidak menjejaskan konsensus dominan bahawa peranan AI adalah terhad. Bahkan sikap mereka yang berhati-hati dalam penggunaan AI semakin jelas sebagaimana diilustrasikan dalam Jadual 11 di bawah:

Jadual 11: Tahap Kerisauan terhadap Trend Penggunaan AI dalam menterjemahkan Ayat *Mutashabihat*

Skala	1	2	3	4
Kriteria	Tidak Risau	Kurang Risau	Risau	Sangat Risau
Peratus	0.0%	32.4%	40.7%	26.9%

Secara gabungan, 67.6% responden menunjukkan tahap kebimbangan sangat tinggi dan tinggi terhadap trend penggunaan AI dalam menterjemahkan ayat-ayat *mutashabihat*. Antara faktor kerisauan termasuklah kemungkinan berlaku salah tafsir, kehilangan konteks spiritual, dan ancaman terhadap akidah. Walaupun begitu, 32.4% menyatakan mereka kurang risau. Dapatan ini berkemungkinan mewakili mereka yang mempunyai pendedahan terhadap pengetahuan ayat *mutashabihat* atau pernah belajar mengenainya.

Dapatan juga menunjukkan majoriti responden bimbang dengan penggunaan AI dalam mempengaruhi kefahaman akidah dan perkara ghaib. Seramai 50% responden setuju dan 41.7% sangat setuju bahawa penggunaan AI ada risiko, menjadikan peratusan keseluruhan yang beranggapan sedemikian adalah 91.7%. Kebimbangan ini mencerminkan sensitiviti mereka terhadap isu akidah, di mana kesilapan tafsiran boleh menjejaskan dan membawa implikasi serius terhadap keyakinan beragama. Hanya 7.4% responden tidak bersetuju. Namun demikian, peratusan tersebut masih kecil; justeru, kajian ini menegaskan keperluan untuk mengamalkan pendekatan berhati-hati dalam penggunaan AI bagi tujuan keagamaan. Walaupun teknologi ini mempunyai potensi dan manfaat tertentu, pengawasan pakar agama penting menjaga integriti dan ketulenan makna al-Quran. Hal ini disokong oleh data dalam Jadual 12 di bawah.

Jadual 12: Keperluan Semakan Pakar atau Ulama ke atas terjemahan AI terhadap Ayat Mutashabihat

Skala	1	2	3	4
Kriteria	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat setuju
Peratus	0.0%	1.0%	8.3%	90.7%

Seramai 90.7% responden sangat setuju dan 8.3% lagi setuju bahawa terjemahan yang dihasilkan oleh AI perlu disemak oleh ulama atau pakar tafsir. Ini menjadikan sejumlah 99% responden berkongsi pandangan yang sama, manakala kurang daripada 1% tidak bersetuju. Dapatan ini jelas menunjukkan wujudnya konsensus hampir mutlak bahawa pengawasan manusia merupakan keperluan yang tidak boleh dikompromikan. Selain itu, hasil data soalselidik juga menunjukkan responden juga berpendapat bahawa masyarakat perlu diberikan panduan dalam penggunaan AI untuk menterjemahkan ayat Mutashabihat. Peratus persetujuan responden juga mencapai hampir sebulat suara dalam isu panduan penggunaan. Seramai 67.6% sangat setuju dan 25.9% setuju, menjadikan jumlah 93.5%. Ini menandakan kesedaran meluas bahawa penggunaan AI.

PERBINCANGAN

Kajian ini telah menilai persepsi masyarakat Muslim terhadap penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam menterjemah ayat-ayat *mutashabihat* al-Quran. Dapatan menunjukkan bahawa istilah *mutashabihat* dikenali secara umum, namun kefahaman mendalam masih terhad; 50.9% responden hanya mempunyai kefahaman asas, 28.7% melaporkan kefahaman yang lebih baik, manakala 20.4% selebihnya tidak memahami atau sekadar pernah mendengar. Ini menunjukkan wujud kesedaran terhadap kepentingan *mutashabihat*, tetapi pemahaman menyeluruh masih memerlukan bimbingan sistematik, sejajar dengan pandangan Nur Afiah Mustafa et al. (2024) bahawa AI tidak mampu menangkap dimensi maqasid dan nilai teologi secara menyeluruh.

Kebanyakan responden (75.9%) mengakui kesukaran memahami ayat *mutashabihat*, walaupun hampir keseluruhan (97.2%) menekankan kepentingannya dalam pembinaan akidah. Contoh ayat yang disebut, seperti “يَذُكِّرُ الْفُتُورَ أَيُّدِيهِمْ” (al-Fath: 10) dan “الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى” (Taha: 5), serta huruf *muqatta‘ah* seperti Alif Lam Mim, konsisten dengan perbincangan ulama bahawa ayat sifat menuntut metodologi tafsir yang berhati-hati. Kajian Nasimah et al. (2019) turut menegaskan bahawa terjemahan literal, sama ada oleh manusia mahupun AI, berisiko menimbulkan salah tafsir jika konteks hermeneutik diabaikan.

Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi digital untuk memahami *mutashabihat* masih rendah (58.4% jarang atau tidak pernah), manakala hanya 10.2% kerap menggunakannya. Walau bagaimanapun, pendedahan terhadap AI lebih positif, dengan 61.2% pernah belajar atau mencubanya. Walaupun 54.6% bersetuju AI boleh membantu terjemahan, hampir separuh (45.4%) masih ragu, dan 67.6% menyatakan kebimbangan terhadap risiko salah tafsir dan

implikasi akidah, sejajar dengan garis panduan JAKIM (2015) dan amaran Manar et al. (2025) bahawa tafsiran sifat Allah mestilah berpandukan metodologi Asha'irah dan Maturidiyyah.

Hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa AI hanya wajar dijadikan alat bantu (92.6%), hasil terjemahan mesti disemak ulama (99%), dan garis panduan penggunaan AI diperlukan (93.5%) untuk mengelakkan penyelewengan. Implikasi dasar (policy) bagi institusi agama termasuk pembangunan garis panduan AI untuk tafsir al-Quran, prosedur semakan ulama terhadap hasil AI, serta pendekatan pendidikan dan literasi digital bagi masyarakat supaya penggunaan AI beretika dan selari dengan disiplin ilmu tafsir (Nur Afiah et al., 2024).

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan wujud keseimbangan antara penerimaan dan keraguan masyarakat terhadap penggunaan AI: walaupun AI diiktiraf berpotensi membantu, majoriti menolak penggunaannya sebagai penterjemah utama kerana risiko salah tafsir yang boleh menjejaskan akidah. Pendekatan hibrid yang menggabungkan analisis AI dengan autoriti ulama dianggap paling sesuai untuk memanfaatkan teknologi tanpa menjejaskan kesucian tafsir dan keutuhan akidah umat Islam. Oleh itu, terdapat keperluan pendekatan menyeluruh dari tiga sudut iaitu pendidikan, teknologi, dan agama. Dari sudut pendidikan, tahap kefahaman masyarakat terhadap ayat-ayat *mutashabihat* yang masih terbatas menuntut institusi agama merangka program pendidikan dan literasi al-Quran digital secara sistematik, termasuk modul latihan khusus untuk guru dan pendidik, serta pendekatan hibrid yang menggabungkan sumber tradisional dan digital. Dari sudut teknologi, AI berpotensi membantu dalam analisis linguistik dan pengumpulan data, namun penggunaannya mesti dipandu oleh garis panduan dan etika yang ketat. AI hanya wajar berperanan sebagai alat bantu, bukan penterjemah utama, dan perlu diaudit serta dipantau secara berkala untuk memastikan kualiti dan ketepatan tafsir. Dari sudut agama dan sosial, hampir keseluruhan responden menekankan bahawa hasil terjemahan AI perlu disemak oleh ulama dan mematuhi metodologi tafsir muktabar, termasuk manhaj Ahli Sunnah, bagi mengekalkan integriti makna al-Quran dan keselamatan akidah.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa walaupun istilah ayat *mutashabihat* sudah dikenali secara meluas, tahap kefahaman mendalam masyarakat masih terbatas, malah majoriti responden mengakui mereka berdepan kesukaran memahami maksud sebenar ayat-ayat tersebut tanpa bimbingan ulama atau sumber berautoriti. Dapatan juga membuktikan bahawa terdapat kesedaran yang tinggi tentang kepentingan memahami ayat *mutashabihat*, di mana hampir kesemua responden menegaskan ia penting atau sangat penting. Namun, apabila melibatkan penggunaan AI, sikap masyarakat lebih berhati-hati. Walaupun sebahagian mengakui AI boleh membantu dalam proses terjemahan, hampir separuh menunjukkan keraguan yang signifikan, terutamanya kerana bimbang berlakunya salah tafsir, kehilangan konteks spiritual, serta kesan terhadap akidah. Hal ini terbukti apabila majoriti hampir sebulat suara berpendapat bahawa hasil terjemahan AI wajib disemak oleh ulama, di samping wujud keperluan mendesak untuk mewujudkan garis panduan etika penggunaan AI dalam teks agama.

Dapatan ini menegaskan bahawa peranan AI sesuai menjadi medium sokongan teknikal, bukan pengganti autoriti ulama. AI mempunyai kelebihan dari sudut *text mining*, pengelasan linguistik, dan pengurusan data besar. Walau bagaimanapun, batasannya jelas kerana AI tidak mampu memahami *maqasid al-shari'ah*, nilai teologi, mahupun dimensi rohaniah yang menjadi asas kepada tafsir *mutashabihat*. Oleh itu, kebimbangan masyarakat tentang risiko penyelewengan akidah adalah sejajar dengan pandangan ulama dan sarjana kontemporari yang menggesa supaya penggunaan AI dipandu oleh disiplin ilmu tafsir dan bidang yang muktabar serta pengawasan pakar agama.

Kajian ini menegaskan bahawa penerimaan masyarakat terhadap AI dalam terjemahan ayat *mutashabihat* masih bersifat terbuka tetapi berhati-hati. Teknologi ini dilihat bermanfaat untuk menyokong kerja-kerja penyelidikan, pendidikan, dan pengumpulan pandangan tafsir secara

sistematik, namun masyarakat tetap menolak AI sebagai sumber utama dalam menentukan makna ayat wahyu. Pendekatan hibrid yang menggabungkan kelebihan teknologi dan autoriti ulama merupakan jalan terbaik untuk memastikan kesucian makna al-Quran terpelihara. Sungguhpun peserta kajian ini telah mencapai bilangan 108 responden, terdapat limitasi kajian dalam kajian ini iaitu skop dan jumlah responden yang masih terhad, kebergantungan kepada data persepsi, serta ketiadaan analisis langsung terhadap ketepatan terjemahan AI dan variasi model AI yang digunakan. Justeru, kajian ini mencadangkan ruang untuk penyelidikan lanjutan yang lebih spesifik, termasuk pembangunan model AI Islamik yang berasaskan manhaj tafsir Ahl al-Sunnah wal-Jama'ah, integrasi garis panduan ulama dalam algoritma AI bagi memastikan tafsir selari dengan disiplin muktabar, ujian keberkesanan AI sebagai alat bantu pendidikan dalam pengajaran *mutashabihat*, pembangunan prosedur semakan dan audit ulama terhadap hasil terjemahan AI, serta kajian tentang pengaruh AI terhadap kefahaman akidah masyarakat dan strategi meminimalkan risiko salah tafsir melalui pendekatan hibrid yang menggabungkan sumber digital dan tradisional. Kajian mencadangkan agar dasar atau polisi bagi institusi agama perlu merangkumi pendidikan sistematik, panduan penggunaan AI, semakan pakar, dan pendedahan kepada masyarakat tentang batasan teknologi, agar AI dapat dimanfaatkan secara efektif tanpa menjejaskan kesucian tafsir dan keutuhan akidah umat Islam.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian hasil laporan Projek Penyelidikan 2, bagi kursus peringkat pengajian Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah) di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

SUMBANGAN PENGARANG

Kedua-dua pengarang memberikan sumbangan yang signifikan dalam penulisan. Pengarang pertama berperanan dalam menghuraikan konsepsi, merangka reka bentuk kajian dan pengumpulan dan analisa data ; manakala pengarang kedua menyunting dan menggarap idea agar perbincangan menjadi konkrit dan tersusun.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (sama ada kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini melibatkan peserta kajian dalam kalangan masyarakat Muslim. Pengkaji telah memastikan langkah-langkah berkaitan etika penyelidikan telah dipatuhi khususnya dalam menjaga kerahsiaan dan data peserta kajian. Sepanjang penyelidikan dijalankan, pengkaji mendapat bimbingan langsung daripada penyelia dan kebenaran pihak Jawatankuasa Siswazah bagi menjalankan tajuk kajian tersebut.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Kecerdasan Buatan (AI) digunakan secara minimum khususnya dalam menterjemahkan abstrak dan sumber data dari kajian bahasa Inggeris.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal kajian ini telah dibentangkan dalam penilaian kursus. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Adawiah Hosni, Md Ariffin, M. F., & Ishak, H. (2023). Isu dan cabaran ChatGPT terhadap pengajian Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1), i–xvii.
- Andideh, A., & Rad, A. (2021). The concept of God as light according to Imami exegetes. *Religious Inquiries*, 10(20), 7–19. <https://doi.org/10.22034/RI.2021.102185.1199>
- Faizin, N., Alfian, M., Basid, A., Ramadhan, M. R., Panatik, S. A., & Kawakip, A. N. (2025). Muslim students' acceptance of artificial intelligence in Islamic religious education: An extended TAM approach. *Discover Education*, 4(1). <https://doi.org/10.1007/s44217-025-00767-1>
- Fitryansyah, M. A., & Fauziah, F. N. (2024). Bridging tradition and technology: AI in the interpretation of Nusantara religious manuscripts. *Jurnal Lektur Keagamaan*, 22(2), 317–346. <https://doi.org/10.31291/jlka.v22i2.1247>
- Hussein Fahim Abdalhussein. (2025). Comparative analysis of AI and human translations of Qur'anic legal verses in Surah Al-Ma'idah. *Ijaz Arabi: Journal of Arabic Learning*, 8(1), 262–277.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Garis panduan bahan penerbitan bercetak dan audio visual berhubung dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah*. JAKIM.
- Manar Muhammad, Sapuan, M. Z., & Jani, M. H. (2025). Etika penggunaan prompt kecerdasan buatan (AI) dalam memelihara kesahihan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam akidah, fikah dan tasawuf. *Jurnal Usuluddin*, 53(1), 75–98.
- Nasimah Abdullah, Abd. Rahman, L., & Usman, A. H. (2019). Terjemahan ayat mutashabihat: Analisis fungsi prosedur eksplisitasi. *Al-Iryad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 154–170.
- Norsyafiah Thoifur, Mohd Saad, M. F., & Wan Abdullah, W. N. (2019). Aplikasi kaedah pentafsiran ayat mutasyabihat dalam tafsir Melayu. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 4(1), 32–39.
- Nur Afiqah M, Nur Afrina P.M.A, Anis Ayuni A.G. & Mohammad Hafizuddin M.N. (2024, July). Peranan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam membantu pencarian maklumat al-Quran dan hadis dalam pengajaran dan pembelajaran. In *E-Proceedings of the 9th International Conference on Social Sciences and Humanities*.
- Nur Mohd Iqzuan S, Ab. Halim, A. H., & Md. Khalid, R. (2021). Adakah kecerdasan buatan boleh berfungsi sebagai penasihat Syariah? Analisis peranannya dalam sektor pasaran modal Islam. *Islamiyyat - The International Journal of Islamic Studies*, 43(Isu Khas), 3–15. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-01>
- Nurbayan, Y. (2019). Metaphors in the Qur'an and its translation accuracy in Indonesian. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(3), 710–715. <https://doi.org/10.17509/ijal.v8i3.15550>
- Siti Sopiah. (2020). *Memahami ayat-ayat mutasyabihat perspektif Syekh Fadi dalam daurab ilmiah Yayasan Syahamah Banten* (Unpublished undergraduate thesis). Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Usman bin Ubaid, Al-Farouq bin Ruslan, Muhammad Syukri Mohd Tahir, & Nadiyah Ramlan. (2024, July). Cabaran dan peluang penggunaan teknologi kecerdasan buatan (ChatGPT) dalam pembelajaran subjek hadis di kalangan pelajar universiti. In *E-Proceedings of the 9th International Conference on Social Sciences and Humanities*.
- Wahab, M. R., & Omar, S. H. S. (2012). The interpretation of *mutashabihat* verses among the Salaf scholars. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 77–85. <https://doi.org/10.7187/GJAT252012.02.02>
- Wildan, T., & Nasution, I. F. A. (2022). Jalāl al-Dīn al-Maḥallī and Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī's interpretation method of the *mutasyabihat* verses in *Tafsīr Jalālayn*. *Miqot: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 46(1), 1–25. <https://doi.org/10.30821/miqot.v46i1.882>
- Yüksek, M. İ. (2024). The context and conceptual framework of the discussions on “Can there be verses in the Qur'an whose meaning is unknown?”. *Geleneksel Paradigmada*, 21(june), 29–53. DOI: 10.30523/mutefekkir.1501576